

# Dr. M: Badan2 a-bangsa kuasai ekonomi negara boleh diusir

1979  
Okt. 5 - OCT 1979

PETALING JAYA 2  
Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran hari ini bahawa kerajaan boleh mengusir keluar mana-mana perbadanan antarabangsa yang cuba menguasai ekonomi dan mempengaruhi politik negara ini.

Menurutnya, pengalaman-pengalaman luar menunjukkan bagaimana perbadanan-perbadanan antarabangsa yang besar mampu mempengaruhi dan menguasai sesebuah kerajaan.

Berlaku juga bagaimana ekonomi sesebuah negara banyak bergantung kepada perusahaan yang dimiliki oleh pemodal luar dan kiranya ini berlaku, negara terlibat mungkin kehilangan sebahagian dari kemerdekaannya atau menghadapi

kesukaran untuk membuat apa-apa keputusan secara bebas.

"Bahaya-bahaya ini adalah hasil dari kegiatan perbadanan-perbadanan antarabangsa memang sedia diketahui dan Malaysia menyedari hakikat ini," kata Pemangku Perdana Menteri ketika merasmikan Seminar

Perbadanan-Antarabangsa dan Pembangunan Negara anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di Ibu pejabat INTAN di sini hari ini.

"Bagaimanapun Malaysia juga mempunyai syarikat-syarikat antarabangsanya sendiri dan dengan yang demikian tidak ada syarikat-syarikat tertentu yang boleh menguasai ekonomi negara ini," katanya.

## Bimbang

"Dengan cara berhati-hati dan hasil dari bercambahnya bilangan syarikat-syarikat antarabangsa yang besar percubaan untuk menguasai ekonomi atau mempengaruhi politik negara ini dapat dikendalikan," terangnya.

Olehnya ditegaskan bahawa Malaysia akan terus mengalu-alukan badan-badan antarabangsa ke negara ini, tetapi mengikut syarat-syaratnya sendiri.

Katanya, badan-badan antarabangsa 'bukannya malaikat'.

Datuk Sri Dr. Mahathir menekankan, negara-negara sedang membangun seperti Malaysia sedia mengetahui tentang

tujuan penyertaan syarikat-syarikat besar antarabangsa di negeri ini.

"Kita tidak bimbang," ujarnya sambil menambah: "Keuntungan adalah menjadi umpam kita."

Katanya, tidak ada cara lain bagi Malaysia untuk menarik minat pelaburan dari luar kecuali menerangkan tentang keuntungan yang boleh mereka perolehi di negara ini lebih dari apa yang boleh mereka dapati di negara asal mereka.

"Bagaimanapun, ini tidak bermakna kita mahukan mereka datang ke sini semata-mata supaya mereka boleh mengikis kita. "Mereka boleh membuat keuntungan, tetapi hasrat dan matlamat kita hendaklah dipenuhi," tegas beliau lagi.

## Mustahil

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian ancaman dari syarikat-syarikat antarabangsa yang besar di

negara ini adalah terlalu tipis dan adalah mustahil bagi mereka untuk menguasai ekonomi atau mempengaruhi politik Malaysia.

Mengenai akibat-akibat lain yang mungkin berlaku yang boleh menimbulkan masalah sosial kepada rakyat hasil dari kemasukan industri-industri baru, beliau berkata, kerajaan menyedari akan perlunya diperhatikan perkembangan ini.

Menurutnya, Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) merupakan satu dari alat untuk memastikan supaya perkembangan industri tidak menjejaskan atau merosakkan negara.

Sambil itu Pemangku Perdana Menteri menegaskan sikap Malaysia yang tetap berpegang kepada fahaman pragmatis bersabit dengan syarikat-syarikat antarabangsa dan walaupun wujud kebimbangan terhadap aktiviti mereka, tetapi Malaysia tidak merasakan kebimbangan itu.